

Makanan mahal di hotel, restoran mewah

Turun harga: PM

Oleh Manja Ismail dan Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap penurunan dan penghapusan duti import ke atas lebih 2,600 barangan seperti diumumkan dalam Belanjawan 1995 turut menurunkan kadar bayaran perkhidmatan serta harga makanan di hotel dan restoran mewah.

Menurut Perdana Menteri, harga minuman dan makanan daripada bahan yang duti importnya turun atau dihapuskan harus dikurangkan selaras hasrat kerajaan menurunkan kadar inflasi seperti ditekankan dalam belanjawan itu.

"Saya ingat, akhirnya ia akan turunlah. Yang mana tak kena cukai patut turun," katanya menjawab soalan pemberita di Rumah Terbuka Deepavali Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di Sekolah Tinggi Chung Hwa, Jalan Ipoh, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada penguaman Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 1995 Jumaat lalu, turut membabitkan harga bayaran perkhidmatan dan makanan di restoran mewah, khususnya hotel bertaraf lima bintang yang dianggap tinggi ketika ini.

Antara 2,600 barangan yang dihapus atau diturunkan duti importnya dalam Belanjawan 1995 ialah makanan sama ada segar, kering atau ditinkan, yang berjumlah melebihi 600 jenis.

Harga makanan dan minuman di kebanyakan hotel dan restoran mewah di negara ini sekarang sekurang-kurangnya lima kali ganda lebih mahal daripada restoran dan kedai makan biasa.

Tinjauan Berita Harian mendapati harga secawan kopi di hotel ialah sekitar RM5 berbanding hanya 50 sen di warung mamak atau restoran sederhana, manakala jus oren di antara RM8 dan RM12 berbanding RM1.50 hingga RM2.

Sepinggian nasi lemak atau mi di hotel sekitar ibu kota ialah di antara RM8 dan RM15 berbanding harga biasa RM2. Selain itu, bagi set buffet makan tengah hari atau makan malam, seorang pelanggan di restoran hotel perlu membayar sekurang-kurangnya RM25 berbanding kurang RM5 seorang di restoran biasa.

Sementara itu, Menteri Perdagangan dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar, berkata arahan kerajaan supaya peniaga menurunkan harga barangan berikutan pengurangan atau pemansuhan duti import lebih 2,600 barangan itu turut membabitkan hotel dan restoran mewah.

Sehubungan itu, katanya, pengusaha hotel dan restoran perlu menurunkan harga barangan mereka terutama makanan dan perkhidmatan.

Beliau meminta Persatuan Hotel Malaysia (Maha) serta Persatuan Hotel, Bar dan Restoran (NUHBRW) menasihatkan ahli persatuan menurunkan harga barangan itu.

Menurutnya, kementerian akan menjalankan siasatan secara menyeluruh ke semua premis di seluruh negara, termasuk hotel dan restoran mewah.